# PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

## Merangkumi

Semua firma guaman.

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan

| Waktu Beroperasi | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pindaan kepada *Bar Circular.* | • Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak hendaklah meminda *Bar Circular* yang telah dikeluarkan sepanjang tempoh PKP supaya selaras dengan dasar Kerajaan yang terkini termasuk SOP KKM. |
| Kehadiran pekerja ke premis firma guaman. | • Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.<br>• Tidak membenarkan pekerja yang mempunyai gejala atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius untuk masuk ke premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan. |
| Rekod kehadiran pekerja. | • Kehadiran pekerja direkodkan dalam daftar khas yang mengandungi butiran nama, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod kehadiran hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP. |
| Aplikasi MySejahtera | • Pemilik firma / syarikat **diwajibkan** mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis.<br>• Memastikan anak guam melalui proses rekod kehadiran secara manual sekiranya tidak menggunakan aplikasi MySejahtera |

# PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

## Merangkumi

Semua firma guaman.

| Waktu Beroperasi | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Perjumpaan/ transaksi dengan anak guam dalam premis firma guaman. | • Kehadiran anak guam dihadkan dan suhu badan perlu diambil.<br>• Perlu merekodkan maklumat nama, nombor telefon, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar, tandatangan keluar dan catatan urusan.<br>• Anak guam yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius tidak dibenarkan masuk premis dan dinasihatkan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan<br>• Rekod kehadiran perlu disimpan untuk tempoh minimum selama enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP |
| Penjarakan fizikal. | • Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis |
| Amalan kebersihan tangan yang kerap. | • Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer.* |
| Penggunaan *face mask.* | • Menyediakan *face mask* untuk kegunaan pekerja<br>• Setiap kakitangan berurusan dengan pelanggan wajib memakai *face mask*. |
| Notis langkah kesihatan awam di pintu hadapan firma guaman. | • Menyediakan notis berhubung dengan *social distancing*, amalan kebersihan tangan yang kerap, penggunaan *hand sanitizer*, *face mask* dan sebagainya. |
| Pembersihan dan nyah kuman. | • Berdasarkan Garis Panduan Tatacara Perbersihan dan Disinfeksi yang telah disediakan oleh KKM. |